

Edisi Julai 2023 - Mei 2024

 MITASA



Suara

MITASA

*PERUBAHAN PEMANGKIN
KEMAJUAN BERTERUSAN*

AGM-36 MITASA
TAMPIL KEPIMPINAN BAHARU



MITASA telah mengadakan kunjungan hormat kepada Naib Canselor UiTM, YBhg. Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin di pejabat beliau di Canselori, Shah Alam. Kunjungan hormat selama sejam tersebut diketuai Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin dan barisan kepimpinan EXCO dari seluruh cawangan.



Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin menghadiri Poket Talks Siri 2/2024 & Bengkel e-TUIS Kesatuan Sekerja di PTAR, UiTM yang bertajuk Membina Pekerja Malaysia MADANI Berkonsepkan 3K (Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan). Ia dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Asri Bin Abdul Whab iaitu Ketua Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja.



Pada 4 Januari 2023, Exco MITASA telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Unit Perkhidmatan OKU, bertempat di Pejabat UPOKU Kompleks Antarabangsa UiTM Shah Alam, di sini. Rombongan MITASA yang diketuai Presiden, Encik Saharuddin Lin di raiikan Pengarah UPOKU, Prof. Madya Ts Dr Roslinda Alias.



Pada 17 Januari 2024, Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin menghadiri Majlis penyerahan "Gerobok Rezeki MITASA-NR" di Unit Non Resident, UiTM, Shah Alam disini. MITASA bukan sahaja menjaga dan memperjuangkan kebajikan pensyarah, malah turut menitik beratkan kebajikan pelajar-pelajar yang memerlukan.



Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin dan Setiausaha MITASA, Dr Faridah Hussain menghadiri Taklimat Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) bersama Timbalan Pengarah, Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar di JPA, Putrajaya.



Pada 11 Januari 2024 telah berlangsung Mesyuarat Kesatuan Dan Persatuan Dalam UiTM untuk memilih Naib Presiden dan Setiausaha bagi pihak pekerja dalam MBJ di Pejabat MITASA, disini. Mesyuarat berkenaan dihadiri wakil-wakil persatuan dan kesatuan yang berkenaan.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA



Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



Nadra Sharfina Ab Rahman
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130